

ANALISIS PENULISAN LAPORAN LATIHAN INDUSTRI UNTUK PELAJAR SARJANA MUDA BAHASA ARAB

(Analysis of Industrial Training Reports Writing for Arabic Language Bachelor's Students)

***Mariam Mat Daud¹, Normah Husin¹, Nor Azhan Norul'Azmi¹**

Submitted: 29-Jul-2024
Accepted: 02-Nov-2024
Revised: 18-Nov-2024
Published: 28-Dec-2024

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

How to cite:

Mat Daud, M., Husin, N., & Norul'Azmi, N. A. (2024). Analisis penulisan laporan latihan industri untuk pelajar sarjana muda bahasa arab: Analysis of industrial training reports writing for arabic language bachelor's students. ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education, 8(2), 25-38. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.226>

*Corresponding author's email: mariam.mdaud@uis.edu.my

This article is licensed under a CC Attribution 4.0

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mencadangkan struktur dan item dalam penulisan laporan Latihan Industri bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. Penulisan akademik ini menjurus kepada laporan Latihan Industri yang menjadi syarat wajib graduasi yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan pemerhatian terhadap enam penulisan akademik pelajar yang mencapai tahap cemerlang di peringkat Ijazah Sarjana Muda secara persampelan bertujuan. Sampel kajian pula terdiri daripada pelajar Universiti Islam Selangor (UIS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dapatan menunjukkan terdapat sepuluh struktur umum yang mempunyai pecahan item-item yang digalakkan untuk disediakan dalam penulisan laporan Latihan Industri. Antara kepentingan kajian ini adalah pemurnian struktur umum dalam panduan penulisan sedia ada dan penambahbaikan item-item laporan Latihan Industri dengan reka bentuk baharu. Implikasi kajian ini menunjukkan panduan terhadap penetapan item-item tersebut memberi nilai tambah kepada penulisan dan mengelak budaya plagiat daripada laporan sedia ada sebelum ini. Justeru, kajian ini mencadangkan penganjuran program khas dan bengkel berterusan di peringkat pendidikan prasiswazah untuk mengasah dan menambah baik kemahiran menulis dan melapor maklumat dalam bentuk penulisan akademik yang bermutu tinggi.

Kata Kunci: Panduan Penulisan Laporan, Latihan Industri, Penulisan Akademik, Bahasa Arab

Abstract

This study was conducted to suggest a manual for writing an industrial training report for Arabic Language Bachelor's students. This academic writing is aimed at the industrial training report, which is a mandatory requirement for graduation that has been set by the university. This study adopts a qualitative approach through document analysis and observation of selected six students' academic writing who achieved an excellent level at the Bachelor's degree level through purposive sampling. The study sample consisted of students from Selangor Islamic University (UIS) and Islamic Science University of Malaysia (USIM). Findings depicted that there are ten general structures with a breakdown of items that are encouraged to be prepared in writing industrial training reports. Among the importance of the study is to review the existing practical report guidebook and to improve any significant item with a comprehensive and new design. According to the study's findings, the rules governing the classification of these items improve writing quality

and steer clear of plagiarism in previous reports. Thus, this study suggests a series of programs and workshops to hone and improve writing skills in academic writing.

Keyword: Report Writing Manual, Industrial Training, Academic Writing, Arabic Language

1.0 PENGENALAN

Penulisan laporan merupakan salah satu tonggak terpenting dalam proses komunikasi, kerana ia bukan sahaja menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada umum, tetapi juga dapat mempengaruhi individu dan masyarakat, mendesak dan mendorong mereka untuk membuat keputusan penting yang dapat memenuhi kepentingan dan mencapai tujuan mereka. Penulisan laporan bergantung kepada gaya, kandungan dan analisis sesuatu maklumat berdasarkan asas saintifik dan piawaian tertentu. Ia sering menyumbang kepada proses komunikasi untuk memenuhi tujuan kedua-dua pihak, baik kepada penulis laporan, juga penerima maklumat. Laporan Latihan Industri pelajar tahun akhir dilihat sebagai penyumbang maklumat tentang sesebuah organisasi di mana ia harus senang dibaca dan difahami oleh golongan sasaran. Oleh yang demikian, laporan perlu disediakan secara sistematik melalui pembentangan kandungan yang sahih, tatabahasa yang tepat dan juga ejaan perkataan yang betul (Budiantoro, Wijayati & Karolina, 2020).

Dalam dunia akademik, penulisan laporan adalah salah satu keperluan dan menjadi syarat untuk seseorang pelajar bergraduasi. Laporan ini dilaksanakan selari dengan tuntutan kursus seperti menyiapkan Projek Tahun Akhir atau selepas menamatkan Latihan Industri. Demikian, setiap universiti perlu menyediakan buku panduan mengikut gaya penulisan universiti masing-masing bagi memastikan penulisan laporan ini mencapai objektif untuk melaporkan setiap perkara yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan kursus terbabit. Isu dalam penulisan laporan dikenal pasti apabila hampir tiada lagi buku panduan yang ideal digariskan oleh mana-mana universiti yang menjadi panduan kepada pelajar untuk menulis laporan terutamanya laporan bagi Latihan Industri. Dalam program diploma dan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Malaysia, buku panduan ini akan membantu pelajar untuk menyediakan sebuah laporan yang informatif sehingga boleh dijadikan rujukan oleh pihak berkepentingan.

Demikian, garis panduan ini merangkumi prinsip, asas dan kriteria terpenting yang mesti dipenuhi dalam laporan yang berkesan, serta beberapa arahan praktikal mengenai cara menulis laporan. Penyediaan buku panduan hendaklah memastikan bahasa panduan sangat mudah, dan juga mengelakkan perincian maklumat yang tidak perlu, mengelirukan dan membosankan. Justeru, panduan perlu datang dalam bentuk yang merangkumi asimilasi kandungannya oleh pembaca khusus bukan sahaja dapat mencapai objektif pelajar untuk melaporkan gerak kerja semasa Latihan Industri, malah menyalurkan input yang informatif untuk rujukan organisasi, universiti dan pelajar lain pada masa akan datang. Kajian terhadap aspek penyediaan garis panduan bagi penulisan laporan Latihan Industri ini diharap dapat memberi panduan praktikal dan peraturan tertentu ketika memulakan proses penyediaan dan penulisan laporan. Seterusnya, dengan adanya garis panduan penyediaan laporan ini, ia boleh digunakan oleh universiti yang menjalankan kajian secara khusus, dan boleh diguna pakai sebagai rujukan oleh universiti lain umumnya.

Selain itu, terdapat penulisan laporan Projek Tahun Akhir yang ditemui mempunyai kelemahan dalam penyampaian idea. Ini disokong oleh Budiantoro, Wijayati dan Karolina (2020) yang mendakwa bahawa terdapat kesalahan seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik berlaku dalam penulisan laporan tersebut. Plagiat juga sering berlaku dalam kalangan pelajar semasa menyediakan sebarang

karya ilmiah. Hal ini berlaku kerana kegagalan pelajar untuk mengumpul serta menganalisis idea dan pernyataan daripada sumber asal (Lisdawati, El Fauziyah & Ambhara, 2022). Bagi Sudrajat (2021) pula, sesebuah karya ilmiah yang mempunyai kesalahan tatabahasa seperti nahw dan sarf tidak layak untuk menjadi wadah bacaan khalayak umum meskipun kandungan yang dipersembahkan baik dan sahih. Faktor berlakunya kesalahan dalam penulisan juga dilaporkan oleh Ramadani (2023) yang mengatakan bahawa antara punca kesalahan yang berlaku adalah kerana pelajar tidak teliti tentang penggunaan kaedah tatabahasa serta tidak faham tentang penggunaan tatabahasa tersebut.

Berdasarkan kepada isu yang dinyatakan, banyak kajian hanya memfokus kepada isu tentang kesalahan tatabahasa, plagiat dan faktor kesalahan dalam penulisan. Tiada lagi kajian yang ditemui membincangkan isu dari aspek tatacara penulisan dan format sesuatu laporan yang ideal. Setakat ini juga, tiada lagi kajian dijalankan terhadap penyediaan dan penulisan laporan Latihan Industri khususnya dalam bahasa Arab. Kajian dalam bidang bahasa Arab banyak tertumpu kepada kemahiran menulis dan isu-isunya, akan tetapi masih tidak ada lagi kajian yang dibuat menjurus kepada sesuatu aspek penulisan yang mempunyai pelbagai jenis. Dalam kajian terhadap Latihan Industri, kajian-kajian lain juga banyak memberi fokus kepada keberkesanan latihan, persepsi pelajar dan maklum balas majikan terhadap gerak kerja pelajar dalam Latihan Industri dan kebolehpasaran. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan supaya menjadi rintis untuk menganalisis isu yang berlaku terhadap masalah dalam penulisan laporan Latihan Industri, sekaligus mencadangkan aspek-aspek penting yang perlu dilaporkan sebagai rujukan asas oleh pelajar semasa.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Latihan industri yang dilaksanakan oleh kebanyakan pelajar tahun akhir di universiti adalah satu platform untuk proses pembelajaran dan pengembangan minda dan sahsiah pelajar. Peringkat pembelajaran melalui latihan di lapangan membantu pelajar untuk bersedia menempuh alam pekerjaan yang sebenar selepas graduasi. Selain dapat mempraktik pengetahuan dan kemahiran secara teori yang diperolehi dalam bilik kuliah, pelajar juga diasuh untuk mengasah kemahiran lain seperti komunikasi, teknikal dan prosedur kerja dalam kalangan pelajar di alam pekerjaan yang sebenar. Manakala penulisan akademik yang dipelajari di peringkat universiti membantu pelajar dalam menghasilkan idea dan keputusan daripada data serta hasil pemerhatian di lapangan. Dalam konteks Latihan Industri, penulisan laporan oleh pelajar dilaksanakan bagi merumus pembelajaran dan pengalaman sepanjang latihan mereka dalam bentuk dokumentasi secara objektif dan sistematik. Demikian, dokumentasi yang dihasilkan bukan sahaja mengenai rumusan tentang pengalaman dan pengetahuan baharu yang diperolehi, akan tetapi mempraktik ilmu pengetahuan yang ditimba sebelum ini.

2.1 Penulisan Akademik dalam Bahasa Arab

Sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Dekan Penyelidikan Ilmiah dan Pengajian Siswazah (Ketua) dan anggota Majlis Pengajian Siswazah pada tahun akademik 2001/2002, Prof. Dr. Adnan al-Atoum dan lain-lain pada tahun 2008 telah melakukan penyelidikan dengan topik "Manual Penulisan Tesis dan Disertasi di Universiti Yarmouk". Kajian ini bertujuan untuk membentangkan komponen setiap bahagian tesis atau disertasi secara berturutan dengan memasukkan contoh atau model. Manual ini selaras dengan asas terkini yang diterima pakai dalam menulis dan mendokumentasi tesis dan disertasi, terutamanya dalam bidang sains sosial dan

pendidikan. Kajian mereka berbeza dengan kajian ini, di mana kajian ini lebih memberi tumpuan kepada menyediakan aspek perbincangan utama melalui pembinaan struktur umum dan item sesuai yang perlu dimasukkan dalam laporan Latihan Industri.

Mona Hassan Sheikh Musa Bashir (2019) pula menjalankan kajian bertajuk "Asas Menyediakan Laporan Penilaian Diri untuk Program Akademik dari Sudut Pandangan Orang Luar". Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penyediaan laporan penilaian diri untuk program akademik dari sudut pandangan penilai luar sahaja. Kajian telah menemui beberapa hasil dapatan, antaranya: terdapat beberapa peringkat sebelum menulis laporan penilaian sendiri dijalankan. Dapatan kajian Mona Hassan Sheikh Musa Bashir (2019) berbeza dengan kajian ini dari segi instrumen yang dipilih. Namun, kedua-dua kajian ini serupa di mana menggunakan pendekatan deskriptif untuk menganalisis data. Sebaliknya, jelas menunjukkan bahawa kajian untuk pelaporan perlu diberi fokus supaya dokumen yang ditulis boleh diguna pakai untuk rujukan dan tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan dan kerahsiaan individu mahupun organisasi.

Kajian oleh Awad Abbas al-Hadi Ahmed (2016) pula bertajuk "Kata-Kata Linguistik yang Biasa Digunakan dan Penggunaan Teksnya di Akhbar Sudan dan Emirati". Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perbendaharaan kata yang biasa di akhbar, peranan perbendaharaan kata dalam konsistensi dan keharmonian teks kewartawanan, dan membuat limitasi hanya kepada perbendaharaan kata yang sama. Kajian ini berdasarkan kaedah deskriptif berdasarkan penerangan dan analisis sebagai tambahan kepada kaedah sejarah dan induksi yang tidak lengkap, bergantung pada analisis model perbendaharaan kata yang biasa di akhbar Sudan dan UAE. Demikian, kajian ini merujuk kepada konsep kata, kosa kata, pengucapan dan pertimbangan, dan menangani standard teks yang menyumbang kepada penyatuan teks dan keharmoniangannya. Kajian Awad Abbas al-Hadi Ahmed (2016) tetap sama dengan kajian ini dari segi pendekatannya, iaitu deskriptif dan pelaporan maklumat. Namun, kajian baharu ini akan memberi fokus kepada penggunaan kosa kata dan susunan struktur maklumat yang membantu penulisan laporan terutamanya laporan Latihan Industri.

Irma Lutfiya (2020) melakukan penyelidikan dengan topik "Analisis Kesukaran Pembelajaran Perbendaharaan Kata dan Pelaksanaannya pada Kemahiran Menulis". Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesukaran yang dihadapi oleh pelajar gred 8 di Sekolah Menengah al-Khairiyyah al-Mutawassitah al-Islamiyyah dalam mempelajari perbendaharaan kata, mengatasi kesukaran pemerolehan perbendaharaan kata dan menulis dalam bahasa Arab. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah deskriptif, dan jenis kajian yang digunakan dalam kajian ini pula adalah kajian lapangan. Hasil kajian mendapati pelajar juga tidak boleh menulis perkataan dan ayat dengan betul. Secara umum, kajian ini juga sama seperti kajian-kajian sebelum ini kerana menyentuh aspek pemerolehan kosa kata dan kesukaran dalam pembelajaran bahasa kedua. Namun, kajian baharu ini perlu dilakukan kerana selain dari aspek kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan kosa kata Arab, faktor lain yang menyukarkan penulisan dalam bahasa Arab adalah tiada buku panduan yang menjadi sokongan untuk membantu pelajar menyelesaikan isu yang dihadapi dalam penulisan.

2.2 Prosedur Latihan Industri

Siti Amina, Mohammed Zaidi dan lain-lain (2009) menjalankan kajian bertajuk "Outcome Based Education (OBE) Penilaian Kurikulum untuk Program Latihan Industri: Berdasarkan Persepsi Pelajar". Fokus kajian ini membincangkan penerapan kurikulum Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dalam kurikulum universiti kerana ia memainkan peranan penting pada masa kini dalam melahirkan pelajar cemerlang. Untuk

memastikan keberkesanan OBE, penilaian yang konsisten dan berterusan mesti dilakukan melalui setiap kursus dan juga melalui program Latihan Industri. Para pengkaji juga membincangkan mengenai persepsi pelajar sarjana kejuruteraan awam dan struktur daripada Jabatan Kejuruteraan yang menjalani program Latihan Industri. Kemudian, item dalam soal selidik tertumpu kepada tiga aspek utama seperti "sikap peribadi", "komunikasi", dan "sikap kerja". Sehingga kini, kurikulum pendidikan berasaskan OBE digunakan untuk setiap mata pelajaran lain dan tidak dapat dielak oleh mana-mana institusi pengajian tinggi. Di sini, dapat disimpulkan bahawa penekanan kepada aspek hasil pembelajaran amat perlu sehingga setiap kurikulum yang digubal dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan mengikut objektif yang ingin dicapai oleh kursus dan program.

Sumati, Zain dan Jung (2012) menjalankan kajian tentang topik "Persepsi Pelajar terhadap Program Latihan Industri". Kajian ini bertujuan untuk membincangkan aspek penting dalam kurikulum akademik di institusi pendidikan tinggi dalam kepakaran teknikal semasa Latihan Industri. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar mengenai keberkesanan program Latihan Industri yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes. Data pula dikumpulkan melalui tinjauan soal selidik. Manakala, soal selidik yang diedar mengukur persepsi pelajar terhadap program latihan yang dilaksanakan selama lapan bulan.

Hasil dapatan menunjukkan pelajar menilai keberkesanan Latihan Industri dari sudut yang positif. Di samping itu, faktor-faktor yang berkaitan dengan usaha pengurusan dan pentadbiran serta peranan yang dimainkan oleh syarikat juga dikenal pasti penting dalam menentukan kejayaan program Latihan Industri. Namun, untuk penilaian jangka panjang, maka pihak universiti dan organisasi perlu juga peka terhadap penghasilan penulisan laporan yang bermutu. Hal ini kerana, dengan laporan yang disediakan dan dibenteng akan menjadi rujukan terhadap sejauh mana keberkesanan program serta dapat melihat sudut kekuatan dan kelemahan yang ada dalam sesuatu gerak kerja di organisasi terlibat.

Shavani Velay, Mahmood Khan dan lain-lain (2012) juga menjalankan kajian mengenai Latihan Industri bertajuk "Meningkatkan Kebolehpasaran melalui Latihan Perindustrian dalam Konteks Malaysia". Kajian ini berfokus kepada perbincangan mengenai program Latihan Industri di Universiti Malaya. Secara khusus, ia membincangkan isu-isu yang perlu ditangani untuk meningkatkan kemahiran pekerjaan dalam kalangan graduan. Kemudian, ia juga meneliti hasil yang diambil daripada maklum balas yang diperoleh daripada pelatih dan organisasi dalam tempoh akademik 2008/2009 dari segi persepsi pelatih tentang kesediaan untuk latihan, dan kesesuaian tugas yang diberi kepada mereka semasa latihan. Selain itu, penilaian sendiri pelatih terhadap kemahiran tertentu dan penilaian industri pelatih juga diperiksa. Hasil dapatan dibincangkan dalam konteks keperluan untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran pekerjaan dan masalah yang dihadapi oleh penyedia pendidikan tinggi di seluruh dunia.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak isu yang memerlukan perhatian. Ini termasuk keperluan untuk menangani kemungkinan ketidakselarasan antara tugas yang diberikan oleh para pelatih dengan bidang pengajian mereka, keperluan untuk mempromosi penguasaan bahasa Inggeris dan kemahiran interpersonal khas sepanjang program ijazah berlangsung. Input berterusan daripada industri juga penting untuk memastikan bahawa latihan memberi manfaat kepada semua pihak dan menyumbang kepada kemahiran dan kebolehpasaran para pelatih. Justeru, kajian sangat bermakna dalam menilai kebolehpasaran graduan masa kini. Dengan kualiti pelaporan terhadap latihan dan gerak kerja yang telah dilaksanakan juga, pelatih boleh dinilai sama ada mereka

telah diberi latihan sewajarnya oleh pihak industri dan mampu menggalas tanggungjawab dalam dunia pekerjaan sebenar.

Bagi penggunaan bahasa dalam ucapan dan komunikasi, sekumpulan penyelidik lain telah melakukan beberapa penyelidikan mengenai Latihan Industri. Antaranya ialah Subramaniam dan Harun (2013) dengan tajuk "Keupayaan Pelajar Pemasaran Politeknik dalam Menggunakan Kemahiran Komunikasi Lisan Bahasa Inggeris yang Baik Semasa Latihan Industri". Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan persepsi majikan mengenai penggunaan kemahiran komunikasi lisan dalam bahasa Inggeris oleh pelajar pemasaran dalam seni gunaan dan persepsi pelatih terhadap kemahiran yang mereka pelajari dalam kursus di universiti sebelum keluar untuk Latihan Industri. Data kajian ini dikumpul melalui dua set soal selidik yang berbeza dan direka untuk mengukur tahap persepsi majikan. Mereka menjalankan beberapa siri temu bual dengan majikan dan pemerhatian berterusan sebelum pelajar menjalani Latihan Industri selama lima bulan.

Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa majikan mendapati bahawa pelajar memerlukan lebih banyak amalan bercakap di khalayak umum terutama ketika berurusan dengan pelanggan. Selain itu, pelajar dan majikan dilihat mempunyai persamaan dari segi tahap kemahiran komunikasi dengan pelanggan dalam bahasa Inggeris. Hasil kajian ini juga mencadangkan bahawa lebih banyak latihan dalam bercakap di khalayak umum harus dipersiapkan sebelum para pelajar keluar ke Latihan Industri. Memiliki komunikasi lisan dan kecekapan yang baik harus menjadi keutamaan bagi pelajar dalam dunia pemasaran. Ini kerana mereka banyak bekerjasama dengan pelanggan menggunakan bahasa Inggeris di tempat kerja tempatan. Fokus kajian sangat baik untuk diketengahkan kerana berusaha untuk meningkatkan kesedaran pelajar terhadap komunikasi lisan yang baik. Aspek komunikasi secara tulisan juga perlu dimanfaatkan dengan kajian lain supaya setiap graduan yang menceburi alam pekerjaan mendapat kemahiran bahasa dari semua aspek, baik secara lisan mahupun bukan lisan. Dengan menggarap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar, isu komunikasi dapat diatasi pada awal di alam universiti lagi.

Zalika, Wan Azura dan Tengku (2022) turut mengkaji penguasaan pelajar terhadap kemahiran komunikasi bahasa Arab semasa Latihan Industri melalui tajuk "Pengalaman Baru Pelajar melalui Kursus Latihan Industri di Negara Brunei: Satu Perbandingan". Para pengkaji memutuskan bahawa Latihan Industri adalah kursus wajib bagi pelajar di universiti awam dan swasta. Kursus ini juga turut diambil oleh pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia pada semester 8, iaitu semester akhir. Latihan ini bertujuan untuk menyediakan kemahiran dan mempersiapkan pelajar sebelum mereka memasuki dunia pekerjaan sebenar. Kajian ini menggunakan analisis dokumen yang bertujuan untuk menganalisis laporan yang ditulis oleh pelajar di Brunei Darussalam. Antara hasil dapatan kajian, pelajar memperoleh pengalaman dan pengetahuan semasa Latihan Industri dan mengamalkan kemahiran lain, terutamanya berbahasa Arab. Latihan sedemikian juga memberikan input positif dari segi kesediaan pelajar dengan pelbagai pengetahuan yang dipelajari secara praktikal di tempat latihan industri. Pelajar juga mendapat pendedahan dan pengetahuan yang sesuai untuk berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dalam semua situasi di tempat kerja. Hasil dapatan ini senada dengan dapatan kajian sebelum ini iaitu (Subramaniam dan Harun (2013) dan Shavani Velay, Mahmood Khan dan lain-lain (2012) yang berjaya menjelaskan hubungan kait antara keberkesanan latihan dengan kemahiran dan kebolehpasaran graduan untuk menghadapi alam pekerjaan.

Arshad et al. (2017) pula membincangkan Latihan Industri dengan tajuk "Kit Latihan Perindustrian Komprehensif: Meningkatkan Penyediaan Laporan Latihan Industri dalam kalangan Pelajar". Fakulti Pengurusan Maklumat di institusi yang dikaji

telah mempersiapkan pelajarannya pada semester akhir untuk tempoh Latihan Industri selama lima bulan, bersamaan dengan 480 jam kerja dengan/atau tanpa bonus mengikut kelulusan pihak organisasi. Pelajar bekerja di bawah pengawasan pakar maklumat yang berpengalaman supaya pendedahan terhadap skop kerja dan pemantauan tugas boleh dilakukan dengan holistik. Dalam tempoh latihan industri, pelajar diharap dapat menyumbang kepada aktiviti di tempat kerja dan memenuhi piawaian yang sama terhadap produktiviti kerja dan tanggungjawab yang digalas oleh pekerja profesional di organisasi. Selepas menamatkan Latihan Industri, pelajar dikehendaki mengemukakan laporan mengenai aktiviti dan projek yang dipertanggungjawabkan. Kajian ini membuktikan sehingga kini tiada garis panduan dan piawaian yang komprehensif di Fakulti Pengurusan Maklumat di Universiti Teknologi Mara untuk membantu pelajar dalam menyediakan, membenteng dan mendokumentasikan laporan.

Dalam masa yang sama, kajian ini juga cuba mengenal pasti kesedaran pelajar tentang kewujudan manual Latihan Industri dan jangkaan mereka terhadap objektif yang ingin dicapai daripada pelaksanaan kursus ini. Hasil daripada tinjauan terhadap 213 orang pelajar menunjukkan bahawa mereka memerlukan manual yang komprehensif dan standard untuk bimbingan dalam menulis laporan Latihan Industri dengan baik. Sekali gus, kajian ini juga menyumbang secara signifikan kepada penghasilan buku panduan komprehensif yang dikenali sebagai kit Latihan Industri (Industrial Training Kit) yang mengandungi semua bentuk dan garis panduan, termasuk terma dan syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan fakulti. Pakej latihan komprehensif juga boleh digunakan sebagai panduan untuk membantu institusi yang berbeza menguruskan latihan industri pelajar mereka. Ringkasnya, institusi lain dapat mencari rujukan dengan adanya buku panduan, terutama universiti yang menjalankan Latihan Industri untuk pelajar yang mengkhususkan diri dalam bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini amat tepat dijalankan dengan mengambil kira faktor masih ada kelompangan dalam kajian terhadap Latihan Industri yang belum dijalankan.

2.3 Penulisan Laporan Latihan Industri

Tiada sebarang kajian literatur dikesan setakat ini yang memfokuskan kepada kajian tentang pembinaan item dan garis panduan yang standard bagi penulisan laporan Latihan Industri sebelum ini. Namun, setakat ini terdapat satu buku panduan berjudul "Buku Panduan Penulisan Laporan Akhir Latihan Industri (LALI)" pada tahun 2015 yang diterbitkan oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri di Politeknik Sultan Idris Shah (Shah & Tinggi, 2015). Buku panduan ini menyediakan maklumat umum untuk penyediaan laporan rasmi Latihan Industri secara sistematik dan berkualiti merangkumi kaedah penulisan laporan, format penulisan laporan dan format penyediaan fail folio Laporan Akhir Latihan Industri serta halaman cakera padat (Compact Disk).

Bagi mencapai matlamat untuk menjamin mutu yang tinggi dalam sesuatu penulisan laporan khususnya laporan Latihan Industri, guru perlu memberi latihan kepada pelajar dengan menerapkan kaedah menulis yang mencerminkan konteks sebenar sesebuah tugas yang dilakukan di tempat kerja secara hakiki (Yu, 2008). Dengan cara ini, integrasi antara penilaian tempat kerja yang sebenar dengan penulisan secara kritikal akan berlaku dalam pemikiran dan gerak kerja pelajar. Kaedah pengajaran ini melatih pelajar untuk sentiasa peka dengan setiap tugas yang diberikan oleh majikan dan faham mengenai objektif yang ingin dicapai oleh sesebuah projek dan organisasi tersebut. Latihan pemikiran kreatif dan kritis telah bermula awal sebelum pelajar meneruskan sesi pengajian akhir mereka di universiti.

Selain itu, kajian oleh Md Radzi, Razlan dan rakan-rakan (2019) telah menengahkan dua projek inovasi kreatif iaitu pembangunan Sistem Repositori

Laporan Latihan Industri (ITR2) dan penghasilan Kit Latihan Industri (IT Kit). Hasil dua inovasi ini telah terbukti sebagai sumber rujukan komprehensif dan telah berjaya membantu pelajar dalam menghasilkan laporan industri yang berkualiti dan mengikut piawaian. Hasil kajian ini sedikit sebanyak telah menangani masalah kesukaran dan kelewatan dalam kalangan pelajar bagi menyiapkan laporan akhir Latihan Industri. Maka, perlu ada lebih banyak kajian lain seperti ini yang memfokuskan kepada kaedah cepat dan efisien lebih-lebih lagi dunia telah berubah pantas dengan penggunaan kecerdasan buatan yang mana teknologi ini mengambil alih banyak tugas manusia yang dilakukan secara manual.

Tambahan lagi, proses membuat visualisasi pada peringkat awal perbincangan antara penyelia dan pelajar boleh membantu untuk penulisan laporan yang berkualiti. Pada peringkat ini, penyelia bertindak sebagai fasilitator yang membimbing pelajar untuk membuat struktur penulisan penuh sekaligus menyesuaikan diri dengan projek yang dilakukan (Thow & Murray, 2001). Keadaan ini memberi gambaran bahawa penyeliaan harus dimulai lebih awal supaya pelajar lebih peka terhadap sebarang isu dan perkara yang perlu dilaporkan serta bersedia lebih awal dengan teknik penulisan yang efektif semasa membuat laporan tentang segala aktiviti di tempat latihan.

Secara umum, belum terdapat sebarang kajian empirikal yang membincangkan mengenai panduan penulisan serta format yang standard bagi penyediaan laporan Latihan Industri baik di peringkat diploma mahupun sarjana muda. Penyediaan laporan ini berkait rapat dengan pemerolehan kemahiran menulis yang diperlukan oleh seseorang pelajar semasa menghadiri kelas bahasa. Pasaran semasa juga dilihat tidak banyak menyediakan bahan-bahan tentang seni penulisan laporan yang pelbagai dan efektif dalam bahasa Arab berbanding bahasa Inggeris dan Melayu khususnya di Malaysia. Justeru, kajian ini berharap dapat meneroka lebih banyak peluang dalam penyelidikan ilmiah yang berkaitan dengan penulisan dan kaedah yang praktikal bagi membantu pelajar untuk merangka dan menyiapkan laporan khususnya bagi penulisan laporan untuk tujuan dokumentasi seperti Latihan Industri.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- (a) Menganalisis aspek penulisan laporan Latihan Industri dalam kalangan pelajar ISM Bahasa Arab.
- (b) Menentukan struktur umum penulisan laporan Latihan Industri dalam bahasa Arab.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat dan fakta yang diperlukan. Analisis dokumen digunakan sebagai instrumen kajian dengan menganalisis penulisan laporan Latihan Industri pelajar gred cemerlang dari dua buah universiti iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Selangor (UIS). Pemerhatian pula dilakukan terhadap literatur dan bahan rujukan lain untuk menganalisis perbincangan lepas berkenaan penulisan laporan Latihan Industri bagi memperkaya hasil dapatan. Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif dengan mengelaskan dan menghuraikan item-item yang terdapat dalam penulisan laporan yang menjadi sampel kajian. Demikian, dapatan kajian ini akan menyalurkan

maklumat tentang aspek perbincangan utama yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar dalam penulisan laporan Latihan Industri dalam bahasa Arab.

5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

5.1 Struktur Umum Penulisan Laporan Latihan Industri

Kajian telah menemui struktur umum di mana ia bersifat item yang wajib untuk dilaporkan semasa penulisan. Berikut adalah struktur umum yang dikenal pasti sebagai vital, antaranya:

- (a) Kulit Laporan
- (b) Pengesahan
- (c) Penghargaan
- (d) Senarai butiran topik pada muka surat
- (e) Pengenalan
- (f) Bab Pertama: Latar Belakang Latihan industri
 - (i) Maklumat Umum Berkaitan Institusi
 - (ii) Carta Organisasi
 - (iii) Motto
 - (iv) Visi
 - (v) Misi
 - (vi) Logo
- (g) Bab Kedua: Gerak Kerja Latihan Industri
 - (i) Aktiviti Harian
 - (ii) Aktiviti Mingguan
 - (iii) Aktiviti Bulanan
 - (iv) Aktiviti Lain (Luar/Sementara/Berkala)
- (h) Bab Ketiga: Cabaran dan Cadangan
 - (i) Isu dan Cara Mengatasi
 - (ii) Cadangan (dari pihak organisasi, universiti dan pelajar)
- (i) Kesimpulan
- (j) Lampiran

5.2 Struktur Terperinci Penulisan Laporan Latihan Industri

Kajian ini turut menyimpulkan bahawa terdapat item-item yang membantu laporan ditulis dengan baik. Item-item terperinci ini akan menambah nilai laporan bagi memilih dan melaporkan gerak kerja di tempat latihan berdasarkan penulisan ilmiah berbentuk laporan yang bermutu. Item-item yang dikenal pasti ini bersifat boleh ubah di mana pelajar boleh menambah atau mengurangkan maklumat yang digariskan mengikut keperluan semasa dari aspek latar belakang organisasi dan gerak kerja yang pada umumnya berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Berikut adalah struktur terperinci yang digalakkan untuk diguna pakai dalam penulisan laporan, antaranya:

- (a) Kulit Laporan
 - (i) Tajuk laporan beserta dengan nama organisasi (tempat Latihan Industri)
 - (ii) Nama pelatih (pelajar)
 - (iii) Nama jabatan, fakulti dan universiti
 - (iv) Sesi pengajian dan tahun akademik
- (b) Pengesahan dan Tandatangan
 - (i) Nama program, jabatan, fakulti dan universiti
 - (ii) Nama pelatih (pelajar)

- (iii) Pengesahan (laporan ini disediakan untuk memenuhi syarat graduasi bagi ijazah sarjana muda)
- (iv) Tahun akademik
- (v) Tandatangan (penyelia universiti dan ketua jabatan)
- (c) Penghargaan
 - (i) Ucapan terima kasih, syukur dan penghargaan ditujukan kepada: Allah SWT, ucapan selawat ke atas nabi Muhammad SAW, penyelia universiti, penyelia institusi, penyelaras latihan industri, ketua jabatan, ahli keluarga, rakan-rakan sejawat semasa di Latihan Industri dan rakan-rakan lain di peringkat pengajian.
- (d) Senarai butiran topik pada halaman muka surat
- (e) Pengenalan
 - (i) Halaman dimulai dengan basmalah dengan huruf tebal
 - (ii) Bahagian pengenalan terdiri daripada: ucapan syukur kepada Allah SWT dan selawat ke atas nabi Muhammad SAW, diikuti oleh faktor pemilihan pelajar untuk menjalani Latihan Industri (faktor/sebab secara ilmiah yang tiada hubungan langsung dengan hal-hal peribadi), tempoh Latihan Industri, dan diakhiri dengan penerangan tentang pembahagian bab dalam laporan (Bab Pertama: Latar Belakang Latihan Industri, Bab Kedua: Gerak Kerja di Organisasi dan Bab Ketiga: Cabaran dan Cadangan)
- (f) Bab pertama: Latar Belakang Latihan Industri
 - (i) Maklumat umum berkaitan organisasi
 - (ii) Carta organisasi di mana pelajar menjalani Latihan Industri
 - (iii) Motto Organisasi
 - (iv) Visi Organisasi
 - (v) Misi Organisasi
 - (vi) Logo Organisasi
 - (vii) Maklumat lain (peranan/fungsi organisasi, kurikulum pengajian sekolah/universiti, takwim akademik sekiranya ada)
- (g) Bab Kedua: Gerak Kerja Latihan Industri
 - (i) Aktiviti harian
 - (ii) Aktiviti mingguan
 - (iii) Aktiviti bulanan
 - (iv) Aktiviti lain (luar/semestara/berkala)
- (h) Bab Ketiga: Cabaran dan Cadangan
 - (i) Isu dan cara mengatasi
 - (ii) Cadangan (dari pihak organisasi, universiti dan pelajar)
- (i) Kesimpulan
 - (i) Halaman dimulai dengan basmalah dengan huruf tebal
 - (ii) Kesimpulan terdiri daripada ucapan Syukur kepada Allah SWT, selawat ke atas nabi Muhammad SAW, dan kesimpulan/penutup kepada perbincangan dari Bab Pertama hingga Bab Ketiga.
- (j) Lampiran
 - (i) Buku rekod
 - (ii) Gambar rasmi berkaitan gerak kerja semasa Latihan Industri (bangunan tempat Latihan, aktiviti/bidang kerja semasa Latihan, lawatan penyelia universiti di tempat latihan, slot/program yang dianjurkan oleh organisasi, mesyuarat atau lain-lain)
 - (iii) Dokumen berkaitan gerak kerja semasa latihan (surat permohonan menjalani Latihan Industri, surat maklum balas terima menjalani latihan daripada organisasi, borang-borang, sijil, surat lantikan AJK, rancangan pengajaran harian, jadual pengajaran, teks yang diterjemah, risalah,

- modul dan perkara lain yang dipertanggungjawab kepada pelajar, atau perkara lain yang sesuai untuk dilampirkan)
- (iv) Dokumen khas berkaitan latihan/gerak kerja yang bukan diklasifikasikan sebagai terperingkat, rahsia atau terhad.

Penyediaan struktur umum dikenal pasti sebagai panduan asas dan utama dalam penulisan laporan industri. Struktur umum memberi panduan kepada pelajar untuk menyediakan maklumat awal dari hari pertama latihan sehingga menyiapkan penulisan laporan penuh. Struktur umum akan memandu pelajar untuk peka terhadap sebarang maklumat yang wajib dilaporkan dan menghindari perkara yang dikategorikan sebagai tidak informatif untuk dilaporkan.

6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kajian ini memberi impak yang baik kepada tatacara penulisan laporan Latihan Industri yang berkualiti dan berinformasi dalam mengasah kemahiran pelajar untuk menyediakan suatu bentuk laporan yang bermutu tinggi dan sekaligus bermanfaat untuk rujukan pihak industri dan universiti. Laporan yang baik mengenai Latihan Industri sangat penting dalam arena industri moden. Hal ini kerana laporan merupakan elemen penting untuk menilai dan menyediakan dokumentasi tentang pengalaman dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar semasa berada di Latihan Industri. Autonomi dalam pembelajaran dan penilaian dalam program ijazah memberi fleksibiliti penting kepada institusi dan pasukan pengamal pendidikan untuk memenuhi tuntutan pihak berkepentingan: pelajar, organisasi dan universiti (Smith Smith, Paterson, Cowell & Milligan, 2022). Pelaporan yang baik akan meningkatkan keupayaan syarikat untuk memahami cabaran dan peluang yang mereka hadapi, sekaligus akan menyumbang kepada proses membuat keputusan dan plan strategik yang lebih tepat dan berkesan.

Aspek penting yang mesti diambil kira semasa menyediakan laporan Latihan Industri adalah berdasarkan data yang tepat, sah dan boleh dipercayai. Laporan terperinci dan tepat memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan kemahiran yang diperolehi melalui Latihan Industri (Ali Ali, Triyono & Koehler, 2020). Justeru, laporan yang disediakan oleh pelatih harus merangkumi maklumat yang tepat mengenai aktiviti latihan dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar, di mana ia membolehkan pihak pengurusan sesuatu organisasi yang terlibat memahami prestasi praktikal secara komprehensif dan menganalisis hasilnya dengan berkesan. Sekaligus organisasi terbabit mempunyai peluang besar untuk menilai keberkesanan latihan yang disediakan dan mengenal pasti bidang yang perlu ditambah baik secara keseluruhannya.

Aspek lain membabitkan kualiti pelaporan yang baik adalah penguasaan tatabahasa. Dunia yang serba canggih dan moden seperti internet of thing (TOT) dalam aktiviti seharian, pelajar lebih mudah mencedok idea dan menulis ayat berbantuan teknologi dan terdedah kepada aktiviti plagiat. Hal ini jelas tidak dibenarkan dalam sebarang penulisan ilmiah. Kebanyakan pelajar masih berada pada tahap rendah dalam penguasaan ilmu morfologi dan sintaksis seperti terjemahan langsung kerana kurang membaca buku dan bahan rujukan bahasa Arab (Shaiful Baharum, & Abdul Rahman, 2020; Rusdi, Abdullah, Suparia, Raffi & Ghazuddin (2023). Dari aspek pendidikan bahasa Arab, senario ini mencerminkan keupayaan pelajar yang lemah dalam kemahiran menulis. Menurut Faridah Nazir (2024), terdapat lima langkah boleh dimanfaatkan untuk menambah baik mutu penulisan pelajar iaitu, perkongsian idea daripada bacaan, catatan semula idea

daripada bacaan dan pengalaman, menulis wacana lengkap daripada ayat guru dan menjilid wacana lengkap berdasarkan tema.

Di samping itu, pelajar mesti mempunyai kemahiran analisis yang kuat dan kemampuan untuk mengartikulasikan idea dengan jelas. Kemampuan untuk menyusun, menganalisis, mengkritik dan mempersembahkan data secara sistematik adalah alat penting untuk kejayaan laporan Latihan Industri. Penulisan yang baik memerlukan metodologi yang betul dan kemahiran membuat parafrasa (Gani, Izuan, Ramli, & Ahmad Zahid, 2021). Antara faktor terpenting lain dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing adalah dengan menyediakan pelajar dengan Kemahiran Insaniah. Aspek kemahiran ini meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran bekerja secara berpasukan (Dzia-Uddin, 2020). Justeru, kemahiran komunikasi melalui penulisan yang bermutu dan efektif menjadikan graduan mampu berada di pasaran kerja seperti kehendak majikan. Pengetahuan pelajar yang dipelajari dalam kelas dapat diterapkan dalam konteks dunia nyata dan membuktikan bahawa kemampuan pelajar dalam menerapkan teori yang telah dipelajari dan dikuasai selama proses pendidikan berlangsung.

Kesimpulannya, penyediaan laporan Latihan Industri adalah peluang untuk mempromosikan pemahaman dan pembelajaran berterusan dalam organisasi. Dengan menumpukan kepada dokumentasi yang tepat, analisis secara komprehensif dan komunikasi hasil latihan yang telus, organisasi atau syarikat penyelia luar kepada pelajar boleh memanfaatkan laporan Latihan Industri untuk mengoptimumkan operasi mereka, menarik bakat berdaya saing dan mengekalkan produktiviti dalam pasaran kerja. Dokumentasi yang cemerlang sudah tentu lahir daripada keupayaan bahasa yang tinggi. Di samping menggarap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar, kegiatan aktif dan efektif dalam pelaporan kegiatan di Latihan Industri menjelaskan sumbangan kepada pengembangan kemampuan manusia dan mencapai daya saing di pasaran kerja ke arah kelestarian dan kemajuan graduan dalam pasaran kerja.

7.0 PENUTUP

Seni penulisan akademik, terutama dalam laporan Latihan Industri, mempunyai kesan yang besar dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar di Malaysia dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi penyelidikan ilmiah di peringkat siswazah di universiti. Oleh itu, universiti harus menyediakan latihan berterusan untuk meningkatkan kemahiran menulis. Latihan sedemikian boleh dilakukan melalui penyediaan mata pelajaran khas yang berkaitan dengan kemahiran penulisan akademik (wajib atau pilihan) atau kursus bahasa di luar kuliah rasmi. Manual Latihan Industri ini akan menjadi rujukan kepada pelajar dalam bidang bahasa Arab bukan sahaja di universiti yang terlibat dengan kertas kerja ilmiah atau tesis, tetapi juga untuk pelajar di universiti bagi memahami dan mendalami kaedah berkesan dalam menulis laporan. Di samping itu, panduan ini memudahkan pelajar dalam menyediakan laporan Latihan Industri secara sistematik dan bersasar. Akhirnya, kajian ini masih lagi membuka ruang untuk kajian lanjutan supaya ada aspek dalam penulisan laporan yang boleh ditambah baik dari semasa ke semasa.

8.0 RUJUKAN

Adam, Z., Ahmad, W. A. W., & Rahman, T. A. F. T. A. (2022). *Pengalaman Baharu Pelajar Melalui Kursus Latihan Industri Di Negara Brunei: Satu Tinjauan*. E-

- Prosiding Seminar Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi 2022 (Sppt 2022). Eisbn: 9789670001654.
- Ali, M., Triyono, B., & Koehler, T. (2020). Evaluation of Indonesian technical and vocational education in addressing the gap in job skills required by industry. In 2020 Third international conference on vocational education and electrical engineering (ICVEE) (pp. 1-6). IEEE.
- Arshad, I. H., Alias, N. R., Chik, N. K., Hamidon, H., Hamid, H. A., Razlan, N. M., ... & Ismail, M. N. (2017). Comprehensive Industrial Training Kit: Enhancing the Preparation of Industrial Training Report Among Students. *Journal Of Contemporary Social Science Research*, 2(1), 37-37.
- Baharum, A. S., & Rahman, M. H. A. (2020). Pengajaran kemahiran bertulis pelajar Universiti Sains Islam Malaysia berteraskan analisis pelbagai kesalahan bahasa dalam sintaksis bahasa Arab. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 59-85.
- Budiantoro, T., Wijayati, T., & Karolina, K. (2020). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Laporan Tugas Akhir Mahasiswa Politeknik Negeri Tanah Laut. *Jurnal Humaniora Teknologi*, 6(2), 77-86.
- Dzia-Uddin, D. N. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, Kuim (Kohort 35 & 36): Tinjauan Dari Perspektif Majikan. *Journal of Hospitality and Networks*, 1(1), 45-52.
- Gani, A., Izuan, M., Ramli, S., & Ahmad Zahid, M. D. (2021). Kemahiran membuat parafrasa bahasa Arab dalam penghasilan makalah ilmiah: analisis kelemahan pelajar/Muhammad Izuan Abd Gani, Sulhah Ramli dan Muhammad Dzarif Ahmad Zahid. *Ilmiah Bahasa Arab. Al-lisān Al-'arabi*, 1(1), 31-41.
- Jarkase, M. (2000). Persepsi Industri Terhadap Pelajar Sekolah Vokasional Azizah Yang Menjalani Latihan Industri (Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia).
- Johnson, B. & Christensen, L. (2008). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (3rd Ed). London: Sage Publication.
- Khomsah, Ahmad Fadilah (2019) *العلاقة بين استيعاب المفردات وقدرة مهارة الكتابة لدى الطلاب الصف الثالث في المدرسة الثانوية الإسلامية الحكومية ٣ تولونجاونج*. Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Lisdawati, I., El Fauziyah, U. N., & Ambhara, C. (2022). Pelatihan Mendeley Sebahai Diteksi Plagiarisme Pada Penulisan Karya Tulis Siswa SMK. *Abdimas Siliwangi*, 5(1), 191-200.
- Md Radzi, S., Razlan, N. M., Hamidon, H., Fadzil, F. H., Arshad, I. H., Mohd Zawawi, M. Z., ... & Mohd Salleh, M. I. (2019). Penambahbaikan penyediaan Laporan Latihan Industri melalui Sistem Repositori Laporan dan Kit Latihan Industri (enhancing the preparation of Industrial Training Report through Report Repository System and Industrial Training Kit). *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 2(2), 93-109.
- Menulis [Literature Review: The Correlation between The Mastery of Arabic Grammar and Writing skills]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 6(3), 99-108.
- Nazir, F. (2023). Model tatatulis dalam pengajaran kemahiran menulis. *Jurnal Penyelidikan TEKNOKRAT II*, 24(1), 10-20.
- Osman, S. A., Omar, M. Z., Mat, K., Kofli, N. T., Rahman, M. N. A., & Darus, Z. M. (2009). Outcome Based Education (OBE) Curriculum Assessment for Industrial Training Program: Based on Students' Perception. *Wseas Transactions on Advances in Engineering Education*, 6(12), 454-463.
- Pillai, S., Khan, M. H., Ibrahim, I. S., & Raphael, S. (2012). Enhancing Employability Through Industrial Training in The Malaysian Context. *Higher Education*, 63(2), 187-204.

- Ramadani, Z. (2023). Analisis kesalahan kebahasaan dalam penulisan karya ilmiah berupa laporan praktikum mikrobiologi pertanian mahasiswa proteksi tanaman angkatan 2023 Universitas Andalas. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 13(2), 39-44.
- Renganathan, S., Karim, Z. A. B. A., & Li, C. S. (2012). Students' Perception of Industrial Internship Programme. *Education+ Training*.
- Rusdi, M. I. M., Abdullah, I., Suparia, F. A. A., Raffi, M. S. M., & Ghazuddin, F. (2023). *Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran*
- Shah, P. S. I., & Tinggi, K. P. (2015). *BUKU PANDUAN PENULISAN LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI (LALI)*. Unit Perhubungan Dan Latihan Industri, Politeknik Sultan Idris Shah, Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Smith, C., Paterson, J., Cowell, A., & Milligan, C. (2022). Examining required flexibility in delivery of graduate apprenticeship to best meet stakeholder needs at a Scottish university.
- Subramaniam, G. K. J., & Harun, R. N. S. R. (2013). The Ability of The Polytechnics Marketing Student in Using Good English Oral Communication Skills During Industrial Training. *English For Specific Purposes World*, 14(39), 1-15.
- Sudrajat, A. R. (2021). Urgensi Ilmu Nahwu Dan Sharaf Sebagai Asas Penulisan Karya
- Thow, M. K., & Murray, R. (2001). Facilitating student writing during project supervision: A practical approach. *Physiotherapy*, 87(3), 134-139.
- Yu, H. (2008). Contextualize technical writing assessment to better prepare students for workplace writing: Student-centered assessment instruments. *Journal of Technical Writing and Communication*, 38(3), 265-284.
- أحمد الفارسي، إبراهيم. 2004. اللغة العربية لأغراض أكاديمية: مبادئ وأصول الكتابة الإبداعية والبحث العلمي للدارسين من غير العرب. الطبعة الثانية. كوالا لكبور: دار التجديد للطباعة والنشر والترجمة. ص 25.
- أحمد الفارسي، إبراهيم. 2004. اللغة العربية لأغراض أكاديمية: مبادئ وأصول الكتابة الإبداعية والبحث العلمي للدارسين من غير العرب. الطبعة الثانية. كوالا لكبور: دار التجديد للطباعة والنشر والترجمة. ص 33.
- أحمد، عوض عباس الهدي، و محمد داؤد محمد. 2016. المفردات اللغوية شائعة الاستعمال وتوظيفها النصي في الصحف السودانية والإماراتية (رسالة الدكتوراه، جامعة السودان للعلوم والتكنولوجيا).
- بشير، منى حسن شيخ موسى، و عبد الرحمن إبراهيم مصطفى. 2019. أسس إعداد تقرير التقويم الذاتي لبرنامج أكاديمي من وجهة نظر المقوم الخارجي (رسالة الدكتوراه، جامعة السودان للعلوم والتكنولوجيا).
- عصام الدين أحمد، زين الرجال عاد الرزاق، محمود محمد علي، عزمان عبد الرحمن، وكرمباوي راشد عبد الحميد. 2014. دليل الكتابة الأكاديمية. الطبعة الأولى. نيلاي، نجري سمبلين: قسم النشر جامعة العلوم الإسلامية الماليزية.
- لطيفة. 2021. تحليل صعوبة تعلم المفردات وتنفيذها على مهارة الكتابة) بحث تحليلي في الصف الثامن بمدرسة الخيرية المتوسطة الإسلامية ببيبتان سيرانج (رسالة الدكتوراه، جامعة بنتين).